

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS
[BETONG]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN : 29

YB Dato' Sri Douglas Unggah Embas [Betong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menaik taraf keupayaan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) - Maritim Malaysia di Sarawak.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Rancangan pembangunan Maritim Malaysia adalah dilaksanakan seperti yang terkandung di dalam Pelan Perancangan Strategik Maritim Malaysia 2040 yang berasaskan Akta APMM 2004. Rancangan pembangunan Maritim Malaysia di Sarawak dilaksanakan secara berperingkat iaitu:

1. Membina pejabat Daerah Maritim dan Pangkalan bagi sokongan logistik dan ulang bekal kapal dan bot yang beroperasi di Wilayah Maritim Sarawak, terutamanya di Daerah Maritim Miri dan Daerah Maritim Bintulu di Sarawak.
2. Perolehan kapal *New Generation Patrol Craft (NGPC)* dan *Offshore Patrol Vessel (OPV)* yang akan datang juga akan ditempatkan di Wilayah Maritim Sarawak bagi mengawal perairan Sarawak dari pencerobohan Pengguna Asing dan Nelayan Asing di Zon Maritim Malaysia.
3. Namun begitu, kajian dan analisa akan sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa untuk pembangunan dan naik taraf keupayaan Maritim Malaysia apabila peruntukan kewangan mengizinkan.

Sekian, terima kasih.